

12 SEP 1999

Adnan

DUTA MINTA HENTIKAN PANDANGAN NEGATIF TERHADAP M'SIA

MELBOURNE, 12 Sept (Bernama) -- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia Datuk Adnan Othman meminta rakyat dan media asing supaya berhenti daripada memberikan pendapat negatif mengenai Malaysia.

Berucap pada jamuan Hari Kebangsaan di Eden on the Park Hotel di sini malam tadi, beliau berkata Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membuktikan bahawa kritikan terhadap langkah pemulihan ekonomi adalah salah dan mereka patut menerimanya.

"Kami sudah memulihkan keyakinan, dan pemulihan kita adalah pesat," katanya.

"Kawalan modal berjaya kerana antara lain ia merupakan sistem yang mudah dan tidak mengongkang.

"Sudah pasti kita tidak dapat meyakinkan semua pihak. Sekurang-kurangnya pendekatan kita telah memulihkan ekonomi tanpa menyusahkan generasi akan datang dengan beban hutang yang besar kepada IMF," katanya.

Adnan berkata petunjuk positif sekarang baik untuk masa depan ekonomi Malaysia.

"Malaysia sudah keluar daripada kegawatan dan pemulihan bertambah baik. Saya berharap ia akan menghentikan semua pandangan negatif di kalangan rakyat dan media asing terhadap Malaysia," katanya.

Adnan memetik kata-kata presiden Institut Strategi Ekonomi Clyde Prestowitz yang berkata meskipun mendapat liputan buruk media, Malaysia adalah contoh terbaik berbanding dengan jiran-jirannya di rantau ini.

Beliau juga menggesa pelabur Australia supaya merebut peluang-peluang ekonomi yang banyak di Malaysia terutama dalam bidang kejuruteraan, pengangkutan, rawatan kesihatan, produk berasaskan pertanian dan teknologi maklumat seperti usahasama dalam pembuatan perisian di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Jamuan itu yang dianjurkan oleh Majlis Perniagaan Australia-Malaysia (AMBC) dihadiri kira-kira 230 orang. Jamuan AMBC di Brisbane dihadiri 520 orang dan seramai 350 lagi menghadiri jamuan di Adelaide.

-- BERNAMA

NDC LAT AKD